

PERMASALAHAN KERTAS

No. 601. Di dalam kitab-kitab ahli sunnah, siapakah yang meriwayatkan hadis qirthas? Dan pada peristiwa tersebut berlaku, berapakah umurnya? Selain daripada dia, apakah ada orang lain yang meriwayatkan?

No. 602. Sekiranya riwayat tersebut tsabit ada, maka sila kemukakan apakah nama kitabnya beserta halamannya

No. 603. Pada hari apakah peristiwa qirthas ini berlaku? Dan berapa hari lagikah tempoh hidup baginda s.a.w selepas peristiwa tersebut?

No. 604. Perintah supaya dibawakan kertas itu, apakah perintah tersebut adalah umum kepada sesiapa sahaja yang hadir di situ atau khusus tertuju kepada sayyiduna Umar sahaja?

No. 605. Sekiranya khitab itu tertuju hanya kepada Umar, maka sila kemukakan bukti daripada sumber kitab mu'tabar Ahli Sunnah

No. 606. Sekiranya khitab itu adalah untuk umum iaitu termasuk ahli bait Rasulullah s.a.w yang lain, maka kita mahukan pengetahuan bahawa adakah Saiyiduna Ali juga berada di situ?

No. 607. Bukankah Saiyiduna Ali juga diketahui sebagai salah seorang penulis wahyu, maka adakah tatkala suruhan baginda pada ketika itu termasuk beliau atau tidak?

No. 608. Sekiranya tiada qarinah yang boleh menyabitkan bahawa khitab itu adalah kepada Saiyiduna Ali, maka bagaimana kita boleh mengatakan bahawa dikhitab kepada Saiyiduna Umar pula? Sedangkan beliau datang menjenguk ingin bertanya khabar, bukannya beliau sentiasa ada di situ.

No. 609. Kemukakan satu bukti yang jelas menunjukkan kepastian khitab itu ditujukan kepada Saiyiduna Umar

PERMASALAHAN TENTANG LAFAZ; **حسبنا كتاب الله** ATAU **حسبكم كتاب الله**

No. 610. Sekiranya kedua-dua ucapan **حسبنا كتاب الله** atau **حسبكم كتاب الله** ini salah, mengapa Rasulullah s.a.w tidak tegur dengan mengatakan ia salah atau mendustakannya?

No. 611. Bukankah Saiyiduna Ali dan Fathimah juga berada di situ, mengapa mereka juga tidak tegur Saiyiduna Umar berkata demikian?

No. 612. Sekiranya terdapat teguran samada daripada Rasulullah, atau Saiyiduna Ali, Fathimah atau ahli keluarga yang lain, maka tolong jelaskan buktinya? Sekiranya tiada, maka apakah hak kita untuk menyalahkan Saiyiduna Umar dengan mengatakan tidak sepatutnya beliau berkata demikian?

No. 613. Riwayat tersebut berbunyi; Mereka bertanya **أهجر** atau **هجر**, -tanpa mengambilkira apakah yang dimaksudkan dengan perkataan tersebut (meninggal? Atau adakah baginda sudah

meninggal? Atau meracau sekalipun)-, “Mereka” ialah kata ganti diri yang digunakan bagi menunjukkan bilangan ramai, maka mengapa ditanggungkan ke atas Saiyiduna Umar seorang?

No. 614. Bukankah هجر memberi makna perpisahan, perpindahan, pergi meninggalkan, maka apa perlunya kita memakai dengan makna yang tidak elok (meracau) di situ? Sedangkan ia tidak jelas langsung menunjukkan makna yang sedemikian.

No. 615. Seandainya punlah diterima bahawa Saiyiduna Umar menggunakan lafaz biadap (iaitu dengan mengatakan bahawa Nabi meracau/meraban), maka mengapakah Saiyiduna Ali yang berada di situ tidak menegurnya? Sekiranya tsabit ada teguran, kemukakanlah lafaz hadits tersebut!

No. 616. Jika Saiyiduna Ali memang tetap berada di rumah baginda sepanjang peristiwa itu, tentu beliau tahu apa yang berlaku, bukankah kelihatan betapa tidak patutnya beliau kerana membiarkan orang berlaku biadap di hadapan Nabi s.a.w!

No. 617. Jika demikian (diandaikan Umar mengatakan sesuatu yang jelek di hadapan baginda), maka di mana letaknya harga kedudukan Nabi s.a.w? Ketika di permulaan Islam, Abu Lahab memaki sumpah seranah baginda kerana risalah yang dibawanya, tiada yang membelanya kerana masih minority, tetapi peristiwa ini berlaku di akhir hayabaginda, di waktu ini begitu ramai sahabat-sahabat yang telah lama beriman sejak dari dahulu lagi bahkan sanggup mati untuk Islam, mereka adalah pahlawan-pahlawan Islam, mereka menyertai peperangan, lalu di mana kewajarannya mereka (bahkan termasuk Saiyiduna Ali) membiarkan Umar mengungkap kata-kata tidak sopan dan biadap bahawa baginda meracau/meraban!?

No. 618. Sekiranya diterima begitulah keadaan Nabi di saat-saat akhir hayatnya, ini menunjukkan gambaran yang cukup menghinakan di mana tiada yang membelanya daripada kata-kata yang tidak sepatutnya diucapkan di hadapan baginda.

No. 619. Sekiranya diterima bahawa para hadirin yang berada di rumah Nabi itu gerun dan takut terhadap peribadi Umar pada ketika itu, dan atas sebab itulah mereka tidak berani menegur ketika itu, maka apakah mereka tidak boleh membelakanginya pada ketika beliau tiada di situ (disebabkan pulang dan sebagainya)?

No. 620. Sekiranya diterima ada ketikanya Umar tidak berada di situ -dalam keadaan Nabi bersabda: Kamu tidak akan sesat selepasku- yang mana dalam tempoh ketiadaan Umar itu baginda tetap tidak menulisnya hingga ke akhir hayat, bukankah ini menunjukkan betapa teruknya baginda pergi meninggalkan umat dalam keadaan umatnya terdedah dalam kesesatan yang nyata?

No. 621. Adakah boleh kita mengatakan bahawa Nabi s.a.w ini takut kepada Umar sedangkan sepanjang hayat baginda adalah berjuang menentang segala macam kafir, tetapi apabila berhadapan dengan Umar, baginda jadi takut gerun? Wal iyazubillah.

No. 622. Sebelum-sebelum ini Nabi s.a.w sudah beberapa kali mengatakan: من يهده الله فلا مضل له , malah kemudiannya memaklum dan mengisytihar pula اليوم أكملت لكم دينكم , maka apakah tidak boleh kita mengatakan bahawa pertanyaan Nabi pada hari itu sebagai ujian peperiksaan akhir?

No. 623. Jawapan Saiyiduna Umar itu sebenarnya termasuk dalam kebijaksanaannya, bukan sekali Nabi diam memperakui jawapan yang diberikan oleh Umar. Apabila Nabi diam, ini menunjukkan baginda memperakui betul dan elok bagusnya jawapan itu.

No. 624. Berhubung dengan kertas ini, ada ditulis dalam Hayatul Qulub jilid 2, ms 482;

Dengan sebab Nabi ada ghairah imaniyyah (cemburu keagamaan berkait keimanan) Nabi terkilan dengan kata-kata Umar menyebabkan baginda membatalkan hasratnya untuk menulis di mana baginda lemah tidak berdaya kerana berkecil hati dengan Umar. Baik, apakah kamu bersetuju dengan kata-kata Baqir Majlisi ini?

No. 625. Seandainya kamu tidak bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh Baqir Majlisi itu, maka apakah kamu menganggap Baqir ini masih Islam ataupun tidak? Sekiranya Islam, apa alasannya? Dan jika kafir, maka kenapa kamu sangat menyanjungi kitab-kitab karangannya?

No. 626. Dan jika kamu setuju bahawa memang saiyiduna Umar tidak patut dengan kelakuan dan ucapannya itu dan menyebabkan kafir kerana menyekat hasrat Nabi, maka bagaimana pula dengan peristiwa yang mana Saiyiduna Ali dan Saiyiduna Husain minta tawanan perang iaitu Syahar Banu daripada Saiyiduna Umar Hah cuba jelaskan

No. 627. Atau apakah mereka berdua tidak lebih faham dan tidak lebih mengerti berbanding kamu?

No. 628. Berdasarkan kata-kata Umar; Jika tiada Ali, binasalah Umar, maka apakah boleh kita faham bahawa Alilah segala-galanya? Kenapa kita tidak boleh faham bahawa ini menunjukkan hubungan mereka itu sangat rapat, baik dan saling mempercayai

No. 629. Pada ketika Saiyiduna Umar adalah khalifah sedang Ali belum menjadi khalifah lagi. Dalam masa beliau menjadi khalifah itu, Ali pernah menegurnya dan beliau menerima. Tidakkah ini menunjukkan sifat merendah diri, dan tidak diktator yang ada pada diri beliau?

PERMASALAHAN TENTANG KELEBIHAN SAIYIDUNA UMAR DAN PERNIKAHAN BELIAU DENGAN UMMU KULTSUM BINTI SAIYIDUNA ALI

No. 630. Tolong khabarkan apakah para sahabat itu termasuk dalam kalangan umat Muhammad atau tidak?

No. 631. Sekiranya tidak termasuk, maka ayat *كنتم خير أمة أخرجت للناس* khitab yang ada pada *كنتم* itu adakah Saiyiduna Ali dikecualikan daripada tidak termasuk atau bagaimana? Sekiranya tidak termasuk, cuba kemukakan dalil

No. 632. Sekiranya termasuk, bolehkah kita menerima bahawa Ali dan Fathimah ibu sekalian umat menganggap sah malah mengahwinkan anaknya dengan seorang yang bukan sayyid, bukan alim, dan bukan muttaqi pun (bahkan kafir?).

No. 633. Jika kamu mengatakan tidak boleh, di dalam *furu' kafi* mukasurat 141, jilid ke-2, Kitab Nikah ada disebutkan seperti berikut ini, maka apakah jawapannya?;

Jika ada seseorang yang mana kamu sudah berpuas hati terhadap pekerti serta agamanya datang melamar anakmu maka kahwinkanlah, jika tidak, akan berlakulah fitnah dan kerosakan yang besar di muka bumi.

Jadi, adakah Saiyiduna Ali redha akan akhlak dan agama Saiyiduna Umar? Samada seseorang itu mengahwinkan anaknya dengan orang yang tidak beragama serta buruk akhlaknya atau seseorang itu tidak mengahwinkan anaknya dengan orang yang memang elok agama serta akhlaknya, maka kedua-dua natijahnya akan berlaku fitnah dan kerosakan besar!?

No. 635. Bolehlah kamu jelaskan apakah maksud Saiyiduna Umar berkahwin? Adakah kerana nafsu atau inginkan keberkatan dan mengeratkan lagi hubungan dengan keluarga baginda s.a.w atau apa-apa sahajalah, maka apa pandanganmu tentang maksud perkahwinan Umar dengan Ummu Kultsum?

No. 636. Apakah yang dimaksudkan dengan kata Imam Muhammad Baqir dalam Furu' Kafi: الكفو أن يكون عفيفا Kufu itu ialah seseorang itu bersifat affif. Kufu itu bukan berkait dengan umur atau baka.

No. 637. Sekiranya kamu kata Saiyiduna Umar hanya Quraisy sahaja sedangkan Fathimah adalah saiyidah, oleh itu tidak boleh berlaku pernikahan, tetapi pernikahan itu memang benar terjadi, bagaimana? Sedangkan Muhammad al-Baqir mengatakan Quraisy boleh bernikah dengan Bani Hasyim (Furu' Kafi)

No. 638. Sekiranya kamu mengatakan Saiyiduna Umar ini telah berumur manakala Ummu Kultsum pula masih muda, maka Aisyah juga muda ketika berkahwin dengan Nabi.

No. 639. Sekiranya umur menjadi penghalang, apakah ada kata-kata imam kamu yang menegah perbezaan umur untuk bernikah? Cuba kamu buktikan!

No. 640. Sekiranya kamu tidak mampu mengemukakan bukti dari perkataan imam-imam kamu, maka cuba kamu buktikan pula bahawa sememangnya Saiyiduna Umar tidak bernikah dengan Ummu Kultsum

No. 641. Dalam Istibshar mukasurat 158 berbunyi;

Tatkala Umar meninggal, Ali datang menemui Ummu Kultsum dan membawa pulang anaknya itu ke rumahnya.

Apakah yang dilakukan Ummu Kultsum di rumah Saiyiduna Umar jika bukan kerana beliau ialah isterinya?

No. 642. Walaupun jelas Saiyiduna Ali membawa pulang anaknya Ummu Kultsum tetapi jika kamu mahu nafikan maka kemukakan bukti bahawa Ummu Kultsum itu adalah orang lain.

No. 643. Seandainya kamu mengatakan Ummu Kultsum itu adalah orang lain, maka apakah hak dan kaitannya beliau untuk mengambil dan membawa pulang ke rumahnya? Adakah mereka berdua itu mahram atau tidak?

No. 644. Dalam kitab Tharazul Mazhab Muzaffari, penulisnya Mirza Abbas mukasurat 33 tertera; Saiyiduna Ali mengahwinkan Ummu Kultsum dengan Saiyiduna Umar dengan berwalikan Abbas ibn Abdul Mutthalib

No. 645. Sekiranya mahu dinafikan dengan mengatakan ini bukan Ummu Kultsum binti Ali, bagaimana terhadap persoalan ini dimana Mulla Khalil Qazwini memetik kata-kata Saiyiduna Ali sebagai berkata: Aku sangat susah hati dan aku berfikir dan aku pun faham apa yang diperkatakan oleh Umar dan aku juga ingat apa yang disebut oleh Jibril iaitu tidak boleh mungkir janji bahkan anak perempuanku wal'iazubillah akan dirampas orang dan akan dibawa pergi secara kekerasan.

No. 646. Daripada apa yang diketahui dalam Tharazul Mazhab ialah bahawa Ummu Kultsum itu dirampas

No. 647. Sekiranya diterima –ma'adzallah- riwayat itu, maka akan terbukti dua perkara;

1. Saiyiduna Ali lemah tidak berdaya malah terpaksa trima
2. Perkahwinan itu berlaku

No. 648. Sekiranya diterima yang nombor 1 tadi, ini bercanggah dengan syarat dan kedudukan imamah kerana mengikut kamu, Saiyiduna Ali itu merupakan penyelesaian segala masalah dan berkuasa atas setiap sesuatu, jadi bagaimana dengan perkara ini?

No. 649. Sekiranya mahu dinafikan perkahwinan itu dan mendakwa pula sebenarnya wanita yang dikahwini itu ialah Ruqayyah. Jika begitu, maka apa yang mahu dijawab di mana tersebut dalam Tharazul Mazhab, mukasurat 33;

Saiyiduna Ali mempunyai dua orang anak perempuan iaitu Ruqayyah Kubra yang mana kunyahnya ialah Ummu Kultsum, beliau inilah yang menjadi isteri Umar al-Khattab.

Apakah tidak tsabit menunjukkan bahawa Ruqayyah Kubra dan Ummu Kultsum ini adalah orang yang sama?

No. 650. Sekiranya kamu nafikan juga, maka bolehkah Saiyiduna Umar al-Khattab ini begitu berani melamar anak perempuan Saiyiduna Ali sedangkan hubungan mereka begitu tegang dan bertentangan? Lihat Tharazul Mazhab mukasurat 49 Nasikhut Tawarikh, jilid kedua;

Pada tahun kesembilan belas hijrah, Umar al-Khattab melamar anak Saiyiduna Ali untuk dirinya.

No. 651. Riwayat daripada Abu Abdullah (Ja'far as-Sadiq) dalam Furu' Kafi jilid kedua, mukasurat 141, bab nikah, tentang pernikahan Ummu Kultsum bahawa inilah faraj yang telah dirampas. Jadi, apakah yang dimaksudkan dengan rampas? Dan Ali membiarkan hal ini terjadi?

No. 652. Berdasarkan keterangan yang terdapat dalam kitab tadi, Ali menyerahkan kepada Abbas untuk menjadi wali, maka apakah makna rampas yang cuba disandarkan ini?

No. 653. Apakah sesuai dan layak dikaitkan seorang imam menggunakan lafaz rampas, apakah tidak boleh kamu hormat kepada imam kamu.

No. 654. Sekiranya kamu diminta mahukah bersetuju dengan kami bahawa kiranya kisah yang terdapat dalam al-Kafi ini tidak valid, bukankah bermakna kita mendha'ifkan apa yang dikatakan imam Mahdi sebagai tsiqah kepada al-Kafi itu.

No. 655. Sekiranya menganggap dha'if untuk diterima, bukankah ini mencederakan kedudukan dan kredibiliti imam?

No. 656. Sekiranya diterima pula riwayat yang menyabitkan rampasan itu, maka adakah ia menghilangkan kepemilikan sebagai hak milik tuan asal atau tidak?

No. 657. Sekiranya diterima pula maksud rampas itu ialah akad nikah, maka apa pula halnya dimaksudkan makna akad nikah itu ialah rampas?

No. 658. Dalam kitab Majalisul Mukminin (karangan Qadhi Nurullah Syustri); Bukanlah menjadi suatu perkara pelik Ali menyerahkan anaknya kepada Umar kerana Nabi juga pernah beri anak baginda kepada Utsman. Di sini pula menunjukkan penerimaan terhadap kisah pernikahan ini tanpa menimbulkan keganjilan, dan bilamana Nabi menyerahkan anaknya bukan secara rampas, maka Ali juga demikian. Oleh itu, mengapa pula kamu mahu menafikan pernikahan itu?

No. 659. Riwayat daripada Sulaiman bin Khalid, katanya; Aku bertanya Abu Abdullah tentang seorang wanita yang kematian suami dimanakah tempat yang dia perlu beriddah, adakah di rumah suaminya atau di mana-mana tempat yang ia mahu? Dia menjawab; Terpulang kepadanya mahu beriddah di mana. Kemudian dia berkata lagi; Apabila Umar meninggal, Ali datang menemui Ummu Kultsum dan memegang tangannya untuk di bawa pulang ke rumahnya.

Riwayat ini disahlan oleh imam ma'sum. Tidakkah ini jelas menunjukkan Ali membawa anaknya pulang, bukan perempuan lain.

No. 660. Tidakkah ini menunjukkan tsabit kebenaran di sisi Ahlus Sunnah bahawa memang Umar telah menikahi Ummu kultsum anak Ali?

No. 661. Atau jika tidak mahu terima juga, maka sila kemukakan alasan dan bukti-bukti lain.

No.662. Sekiranya ingin dinafikan bahawa Fatimah juga menerima berlakunya pernikahan ini, maka bagaimana mahu diistibatkan dengan riwayat-riwayat para imam tadi?

No. 663. Sekiranya mahu diterima pula cerita bahawa sebenarnya tuhan merupakan seekor binatang dengan rupa manusia yang serupa dengan Ummu Kultsum dan Ali menghantarnya lah kepada Umar, maka sila tunjukkan kitabnya supaya perbalahan ini terhapus.

No. 664. Sekiranya diterima pula andaian itu, maka bukankah Umar dengan jujur melamar anaknya tetapi diberikannya pula yang bukan jenis manusia kepadanya. Bukankah ini penipuan?

No. 665. Sekiranya begitu, maka apakah di sisi Ali manusia boleh dinikahkan dengan haiwan?

No. 666. Sekiranya diterima juga, akan timbul pula persoalan bahawa tidakkah ini bermakna menghina anak perempuan Saiyidina Ali sehingga bertukar jadi haiwan?

No. 667. Sekiranya diterima cerita jelmaan ini, maka selama manakah pula pertukaran jelmaan itu berlaku? Adakah selama-lamanya atau bagaimana?

PERMASALAHAN TENTANG SAIYIDUNA UMAR MENYURUH SUPAYA DIBAKAR RUMAH FATIMAH

No. 668. Tuduhan yang mengaitkan Saiyiduna Umar mengarahkan supaya dibakar rumah Fatimah begitu masyhur dan tersebar. Malah masyhur juga bahawa Umar memukul tulang rusuk Fatimah sehingga gugur anak dalam kandungannya. Jadi, nak mintalah anak mak di kalangan kamu yang boleh beritahu tentang kisah ini bersumberkan kitab Ahlus Sunnah yang muktabar seperti yang kamu dakwa.

No. 669. Tidakkah Ahlus Sunnah menolak cerita ini?

KISAH INI ADALAH KARUT DAN RACAUAN SEMATA-MATA.

No. 670. Dalam Fulkun Najah, jilid 1, mukasurat 240, pada bab In'iqad Wa Khilafah; Sungguh khalifah yang kedua telah membakar.

TIADA PENGINGKARAN DALAM HAL YANG MUTAWATIR KERANA KISAH INI DICERITAKAN MELALUI BANYAK JALAN PERIWAYATAN SERTA SANAD-NAD YANG MASYHUR

No. 671. Apakah tidak benar selepas diterima khilafah Abu Bakr itu, maka ada beberapa orang berbincang tentang urusan khilafah di rumah Saiyiduna Ali, kemudian Umar pun mendapat tahu berita itu dan beliau pergi ke sana dan berkata; Bersurai, bersurai. Kemudian berkata lagi; Wahai anak Rasulullah, tiada di kalangan makhluk ini, orang yang paling aku kasih melebihi ayahmu dan selepas ayahmu, tiada orang yang aku kasih melebihi dirimu. Dalam keadaan yang begini, munasabahkah situasi dan gambaran untuk memperkatakan Umar membakaar rumah Ali? Kenapalah racun kamu begitu membauk-buak mengeji Umar membakar rumah Ahlul Bait.

No. 672. Cuba tolong buktikan kisah ini berdasarkan riwayat yang sahih bahawa Saiyiduna Umar berkata; Aku akan bakar rumahmu wahai anak perempuan Rasulullah. Seandainya dapat dibuktikan, sebutlah apa dan berapa nilai hadiah yang kalian mahukan.

No. 673. Dalam Fulkun Najah disebutkan bahawa kitab ini ialah kitab Ahlus Sunnah, kitab yang dimaksudkan ialah al-imam was Siasah, az-Zahrul Muqadah Wan Narul Hathimah, Tasy-yidul Matho'in, sedangkan kitab-kitab tersebut bukan kitab Ahlus Sunnah. Ini semua adalah kitab Syiah.